



“1 MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”

Ruj. Kami : KP(BKEW)(PK)1587/6/A-4/JLD.2 (10)

Tarikh : 19 Jun 2012

Semua Pengarah Pelajaran Negeri
Semua Pegawai Pelajaran Daerah

Y. Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 6 TAHUN 2012
PINDAAN KEPADA SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL.12 TAHUN 2010
PROSEDUR PEMBAYARAN BIL UTILITI SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN BAGI NEGERI-
NEGERI DI SEMENANJUNG TAHUN 2011**

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk meminda perenggan 3.2 Surat Pekeliling Kewangan Bil.12 Tahun 2010 mengenai Prosedur Pembayaran Bil Utiliti Sekolah Bantuan Kerajaan Bagi Negeri- Negeri di Semenanjung Malaysia Tahun 2011.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), Kerajaan bersetuju untuk membiayai bil utiliti (elektrik dan air sahaja) berdasarkan kepada bil sebenar dan tidak melebihi RM2,000.00 (Dua Ribu Ringgit) sebulan mulai 1 Januari 2011.

2.2 Perenggan 3.2 Surat Pekeliling Kewangan Bil.12 Tahun 2010 telah menetapkan peruntukan yang diturunkan adalah berdasarkan purata penggunaan bil air dan elektrik sebenar tahun sebelumnya.

3. PINDAAN

Bagi menjelaskan Prosedur Pembayaran Bil Utiliti Sekolah Bantuan Kerajaan Bagi Negeri - negeri di Semenanjung Malaysia Tahun 2011, perenggan 3.2 Surat Pekeliling Kewangan Bil.12 Tahun 2010 adalah dipinda dan digantikan seperti berikut :

3.1 Perenggan 3.2 Surat Pekeliling Kewangan Bil.12 Tahun 2010 hendaklah dibaca seperti berikut:

“Peruntukan yang diturunkan adalah berdasarkan purata penggunaan bil air dan elektrik sebenar tahun sebelumnya. Bagi mana-mana peruntukan yang tidak habis dibelanjakan, baki boleh disimpan oleh pihak sekolah dan dimaklumkan kepada pihak JPN semasa membuat permohonan peruntukan tahun semasa. Pihak JPN hendaklah mengambilkira maklumat peruntukan yang tidak habis dibelanjakan ini sebagai sebahagian daripada peruntukan tahun semasa bagi tujuan penurunan waran untuk pembayaran utiliti.”

4. TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan dan hendaklah dibaca bersama Surat Pekeliling Kewangan Bil.12 Tahun 2010.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“TINGKATKAN PRODUKTIVITI KURANGKAN KOS”

Saya yang menurut perintah,


(DATO' NAZIRRUDDIN BIN ABD. RAHMAN)

b.p Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia

s.k :

1. KSU
2. KPPM
3. JANM
4. Bahagian Audit Dalam
5. Bahagian Audit Sekolah
6. Semua Pengarah Akauntan Negeri
7. Semua TSUB BKew